



Wacana Dinamika Sastera Melayu Pascamoden

Mana Sikana

Pengenalan

Kertas kerja ini cuba membawa pemikiran-pemikiran yang menjurus kepada persituasian sastera Melayu mutakhir: subjek pascamoden dengan perbahasan dialektikal terhadap pendinamikannya. Antara fokusnya, melihat subjektiviti sastera Melayu, pewacanaan persuratan Islam, pemanfaatan globalisasi dan membina tamadun baru sastera. Mencadangkan Kuala Lumpur sebagai jantung sastera berbahasa Melayu Dunia, dan Malaysia patut menjadi pusat sastera Islam alamiah. Akhirnya memberikah pandangan pengunggulan kesusasteraan Melayu dalam dunia serantau.

Sastera Melayu Hari Ini

Untuk mengenal situasi Sastera Melayu, elok dibicarakan dahulu suasana zaman yang sedang kita hadapi terkini. Kita dituntut supaya mengenali zaman kerana ia memberi maklumat tentang situasi dan permasalahannya. Dalam sebuah Hadis Qudsi, Allah menyatakan akan memberi rahmat kepada seseorang yang menguasai zamannya. Seandainya kita tidak memahami zaman di mana kita hidup, dikhuatiri akan berlaku penderitaan dan kesengsaraan, bukan sahaja kepada diri kita sendiri, juga kepada generasi akan datang. Dalam sebuah Hadis yang lain, Nabi Muhammad s.a.w. bersabda yang mafhumnya Ajarkanlah anak-anak kamu, kerana mereka dilahirkan di zaman yang berbeza dengan zaman kamu.

Kini kita berada dalam jejak zaman pascamoden, di tengah ekonomi libido dan masyarakat ekstasi. Gaya hidup bercorak hiperealisme, fetisisme dan konsumerisme yang skizofrenik serta komoditi ilusi. Wacana parodi dan semiotik berlaku dalam segenap dimensi kehidupan. Bahasa dan sastera terserlahnya model wacana, dialogisme, simulasi dan pervesitasi. Realiti kebudayaan berubah daripada era teknologi ke era citraan, dari era mekanik ke mikro-elektronik.

Sastera telah memasuki gerbang permainan kekuasaan - *power game* - tempat berlangsungnya gelanggang perebutan kuasa. Dalam peringkat ini politik sastera sama dengan politik wacana, yang memerlukan kebijaksanaan untuk memenangi pertandingan. Justeru itu, falsafah pascamoden yang sangat mengukuhkan sastera ialah yang dikaitkan dengan kekuasaan, yang meninggalkan cara kekerasan marxis yang menekan deternian ekonomi dari sejarah kepada hegemoni Gramsci budaya-

ideologi yang membuat orang akur patuh aktif dan berjaya memperluas dan melestarikan dominasi.

Sastra telah digunakan sejak zaman Yunani, iaitu untuk melahirkan warga bermoral dan berterima kasih kepada negara. Kedudukan sastra sinonim dengan falsafah. Abad ke-5 Athen, pula meletakkan sastra sebagai alat menjajah yang lebih cepat daripada senjata, Shakespeare di abad ke-16 memulakan per-tahta-an orang Inggeris dalam kuasa sastra dunia. Kemudian kita menyaksikan setiap negara Eropah berhasrat membina takhta sendiri-sendiri dalam sastra, dan yang paling berjaya ialah Perancis apabila berhasil meletakkan Paris sebagai kota jantung sastra dunia.

Dalam wawasan pascamoden terkini, sastra berpusat kepada pergulatan dengan representasi atas realiti. Teks melukiskan gambaran manusia menjalani dan merebut realitinya dengan pelbagai bentangan aneka teks puitis dan prosaik. Sastra dalam pandangan globalisme Barat telah menjadi sentral kultural atau pusat budaya. Teori-teori sastra dibentuk di kalangan pemikir sastra yang bersumberkan sastra sendiri, yang membezakan sebelumnya dengan dunia moden. Dengan niat untuk mengakademikkan sastra juga mensaintifikkannya, sastra menjadi medan analisis untuk medan makna daripada siati sumber kekuasaan bangsa.

Sastra telah menjadi medan penyelidikan, tidak sahaja di kalangan ahli kemanusiaan atau sains sosial, juga daripada disiplin ilmu yang lainnya. Sastra telah menjadi primadona kajian, tanpa mengkaji sastra, tidak menemukan realiti kehidupan. Hal ini sebenarnya adalah jasa pascamoden yang meletakkannya seiring dengan slogan kekuasaan yang dibawakannya, kekuasaan menjadi pusat dominan zaman itu. Tokoh-tokoh sastra juga bahasa diagung-agungkan, seperti Foucault, Baudrillard, Eco, Kristeva dan lainnya. Pengarang-pengarang pascamoden juga diperbesar-besarkan mampu mengatasi permasalahan zaman sebelumnya dan zamannya.

Dan pascamoden juga yang terus mempertahankan Shakespeare, meski ternyata pengarang ini telah mengambil teks orang lain. Lalu terciptalah istilah-istilah seperti intertekstualiti, parodi, metafiksiyen, meta historiografi dan sebagainya. Pascamoden pun mementingkan kualiti. Demikianlah secara dasar latar sastra dan persuasanaan zaman di mana kita hidup dewasa ini.

Memfaatkan Pascamodernisme

Pascamoden sama seperti zaman moden dahulu, tetap memiliki jaringan penjajahan dan anasir yang bertentangan dengan nilai Timur dan Islam. Kita sebenarnya dihadapkan pelbagai permasalahan. Begitu juga dengan globalisasi yang kita hadapi, bukanlah semata-mata bererti proses pembaratan; dalam globalisme terdapat istilah relativisme, yang bererti penyesuaian dan penggantian; seandainya negara lain ingin maju ia haruslah menyesuaikan dirinya dengan rentak kecepatan dan kemajuan Barat. Relativisme memberi peluang kepada setiap bangsa dan negera menyusun dan mengembangkan budaya sastranya menurut nilai dan strateginya sendiri. Lyotard, Jameson dan Huyssen; yang dengan sendirinya meskipun kita dilandai oleh sastra pascamodernisme; tetapi kita tetap dengan warna dan wajah sastra lokal atau setempat. Dengan itu marilah kita mencari nilai diri dan daerah untuk dikumpulkan memperkuat diri.

Edward Said telah membuka pekong kolonialisme, demi untuk meneruskan jajahannya mereka menanamkan rasa hormat dan kagetnya kita anak jajahan terhadap budaya mereka termasuk sastera mereka. Malah suatu ketika dahulu seolah-olah kita tiada maruah apabila dikatakan bahawa sastera tradisional kita adalah kebanyakan ambilan daripada India. Gagasan Said yang melahirkan pascakolonialisme kemudian memeplihatkan terdapat sastera anak jajahan lebih tinggi daripada penjajah itu sendiri.

Sastera Sebagai Wacana

Di zaman pascamoden sastera mula dianggap sebagai sebuah wacana. Wacana ialah perbahasan, dialogikal, dan analisis tentang bagaimana sesebuah karya sastera itu berkomunikasi dengan khalayaknya. Unsur-unsur keberkesanan, dinamika dan keaktifan khalayak menjadi adalah indikasi resepsi wacana. Sebuah teks fiksiyen misalnya memiliki ekspresi naratif seperti, aplikasi bahasa, pencitraan aksi, kejadian, watak, latar dan sebagainya, bagaimana kesemuanya aspek itu berperanan dalam menyampaikan pemikiran dan makna karya. Wacana juga adalah masuk ke dalam urat saraf kognisi khalayaknya untuk meninjau aktiviti minda dalam proses pemaknaannya.

Kritikan juga akhirnya berperanan untuk memenuhi tuntutan wacana sastera. Sebuah karya sastera tidak hanya ditulis untuk memenuhi rangsangan diri sendiri, tetapi mempunyai tanggung-jawab sosial dan pembangunan tamadun manusia. Pengarang pun menggerakkan segala kemampuannya dengan indera sasteranya untuk melahirkan karya yang bermutu dan sampai ke tangan khalayaknya. Dia akan berusaha dengan segala bakat dan kecerdikannya untuk mencipta teks yang mempesona dan mengkagumkan. Dengan demikian sebuah kritikan adalah penganalisisan bagaimana pengarang menghubungi khalayaknya itu.

Kritikan dalam konteks wacana ini, karya sastra bukan hanya tertumpu kepada intensi atau makna pengarangnya, melainkan juga konteks produksinya dan kemudian dapat mengalami proses dekontekstualisasi teks dan rekontekstualisasi khalayak. Sesungguhnya penekanan diberi kepada konteks resepsinya, ini termasuklah sifat pragmatis dan pengaruh teks kepada pembaca.

Perlu ditegaskan, bahawa konsep kritikan sebagai wacana ialah berperanan menganalisis penggarapan pengarang dalam pembinaan tekstualitinya, kemudian berpindah kepada aspek jaringan hubungan atau komunikasi kontekstual khalayaknya. Maka analisis itu untuk memperlihatkan aspek nilai dan kekuatan komunikasi itu. Kajian dalam aplikasi bahasa, daripada penggunaan bunyi, pemilihan kata, penyusunan ayat dan siratan maknanya sering dijadikan salah tumpuan untuk melihata wacana sastera. Analisis aspek fabula atau plot, juga dapat mempertlihatkan wacana pengarang dalam menggerakkan aksi dan peristiwa. Watak pula tidak hanya sebagai penggerak atau pengembang plot, tetapi di dalamnya ada dorongan, tekanan dan juga pelbagai kesedaran termasuk separuh sedar dan dunia sublimasinya.

Wacana sastera sesungguhnya adalah akrab hubungannya dengan pengintelektualan kesusasteraan itu sendiri. Ia mahu membina sebuah kuasa besar di dalam sastera, justeru itu kritikan adalah berperanan untuk membina kerajaan sasteranya yang menghubungkan antara pengarang, teks dan khalayaknya. Wacana

adalah pembina tamaddun sastera dan manusia. Dan kritikan sastera ditugaskan untuk penilai dan penggerak kepada anjakan paradigma pascamodenisme itu.

Penyakit Pascamoden

Sastera sebagai wacana, menekankan komunikasi, sebuah perjalanan menyusur makna; meski pascamoden menyediakan sederetan teori dan pendekatannya, tetapi ada waktunya khalayak terdampar lemas dan hilang dalam medan makna. Malah praktik signifikasi teks yang dianjurkan setelah kegagalan pencarian makna murni, juga sering dihadapi oleh rakyat biasa, kerana teks-teks pascamoden kadang-kadang begitu komplikated sekali. Akibatnya terjadilah apa yang dinamakan nekro-sastera, kematian sastera. Orang yang bertanggung-jawab dapat mengesan di peringkat awalnya ialah Barthes. Namun pandangan Baurdrillard mengesannya sebagai gejala budaya sastera - dalam persepsi masyarakat umum sastera telah mengalami kematiannya. Justeru minat membaca itu sebagai sebuah naluri telah mengering, akhirnya khalayak berpindah kepada sastera popular, malah picisan. Proses amnesia resepsi terjadi dan kerajaan hiburan meluaskan wilayah jajahannya melalui karya-karya sedemikian.

Teks-teks sastera tersadai jadi hiasan intelektual, sedang yang dibaca dan dihargai ialah teks-teks bercorak hiburan itu. Ini adalah sebuah penyakit, sebuah trauma atau ketakutan yang menggejala di zaman pascamoden, yang menjalar dan mewabak di mana-mana juga angin pascamodenisme menghembuskan nafasnya. Krisis virus mafia budaya ini menyebabkan aids sastera terjadi dengan hebatnya; akhirnya pecahlah benteng antara sastera tinggi dengan sastera rendah. Terbentuknya sebuah masyarakat di mana kendali moral dan estetika dibaori oleh hipersensibiliti, justeru teknologi baru dan muzik turut serta mengaburkan hieraki teks tinggi., yang puncaknya terbinanya ideologi nihilis medan menurunnya apresiasi terhadap kesusasteraan.

Indera kita dapat menyaksikan lambakan teks-teks popular. Di Barat pernah terjadi di penghujung aliran romantisme berlaku lambakan begini, kelahiran modenisme menjanjikan rasionalisme dan mengembalikan sastera ke takhtanya. Namun, modenisme juga tak mengandungi apa-apa, kecuali benih kehancuran dan kenihilan. Pascamodenisme yang kemudiannya menentang modenisme itu, melahirkan praktik kesasteraan yang tidak begitu difahami dalam konteks perspektif konvensional - sastera adalah representasi daripada ruang budaya menampilkan kekuasaan, berlakulah penyilangan kuasa muncul gelanggang wahana bertarungnya kekuasaan - yang akhirnya menghadirkannya semula - *the return of necro-textual literature*.

Persuratan di zaman ini sesungguhnya kehilangan takhta, kehilangan kekuasaannya, kehilangan peminatnya. Sastera dilunturkan oleh teks-teks popular. Orang lebih gemar membaca yang popular. Sastera dan bahasanya menjadi popular dan kadang-kadang berlaku pencemaran, dan perlu pemurniannya oleh sastera tinggi. Teks-teks sastera menjadi sang musafir di dalam benuanya sendiri, marginal dan terpinggir. Dalam tradisi sastera zaman Abassiyah pemerosakan kemurniaan sastera ini dinamakan *adab al-mafasid*, yang disebabkan oleh berlakunya pembauran atau *ikhhtilad* antara *su'uzhan*, buruk sangka dan *mutatharrif* sifat melampau.

Dalam konteks inilah kita memerlukan reformasi sastra atau *al-Islah al-Adabi*, yang sering dilakukan oleh golongan sufi dalam sastra. Elok kita mendekati persuratan daripada susuran aslinya.

Menjadi Manusia Sastra

Untuk menjadi manusia sastra yang mutakammil, saya rasa contoh paling ideal ialah Junjungan Besar kita Nabi Muhammad s.a.w. Perlu ditegaskan Nabi Muhammad saw bukanlah seorang penyair seperti yang dituduh oleh musyrikin Quraisy. Nabi Muhammad s.a.w. menguasai bahasa sastra, sejak zaman remajanya sudah menguasai banyak dialek bahasa Arab. Mengetahui kiasan, kata-kata hikmah, peribahasa dan syair-syair Arab. Nabi juga menguasai sastra daripada pelbagai kabilah orang-orang Arab Jahiliyyah. Dan Baginda bersahabat dengan para penyair dan pemedato.

Sewaktu Islam mula dianut dan penyebarannya dituntut, Nabi Muhammad s.a.w. menyebarkan dakwahnya dengan menggunakan bahasa sastra, bahasa dialek dan menggunakan pribahasa dan sebagainya untuk memudahkan fahaman dan mengindahkan uslubnya. Baginda juga mengelakkan daripada bahasa yang sukar difahami apalagi yang memerlukan pentakwilan. Syair-syair dibacakan di masjid-masjid. Bukan sahaja penyair menjadi sahabatnya, juga ada yang dilantik sebagai ketua Perang. Ibnu Rawahah adalah ketua Perang Islam yang ketiga.

Kita sering merujuk Surah al-Rum, yang mafhumnya Dan daripada tanda-tanda kebesaran Allah ialah menjadikan langit dan bumi dan perbezaan bahasa, sastra dan bangsa kamu sekalian, sesungguhnya yang demikian itu adalah tanda-tanda bagi orang yang berilmu.

Melayu itu ialah Tuah-Jebat

Menjadi manusia Persuratan menurut imsal Junjungan, membawa kita kepada penyempurnaan Persuratan Melayu. Persuratan Islamlah yang membentuk manusia dan persuratan Melayu.

Bagaimanakah manusia Melayu itu? Di sini izinkan saya berbicara tentang manusia Melayu, kerana di situ al-nafs Persuratan Melayu itu. Bagi saya Melayu itu ialah Tuah-Jebat. Dua buah watak yang digabungkan, melahirkan manusia bernama Melayu. Melayu bukannya Tuah sahaja, atau Jebat sahaja! Melayu adalah Tuah-Jebat.

Marilah kita susuri manusia Melayu ini daripada teksnya. Hang Tuah adalah satu-satu wira Melayu yang tak ada tolok bandingnya. Hang Tuah telah di terima sebagai wira Melayu sejak lebih 500 tahun. Hang Tuah adalah ciptaan sejarah keagongan empayar Melaka. *Hikayat Hang Tuah* ialah epik Melayu di dalamnya telah dilahirkan cita-cita bangsa Melayu. Ia telah mencatatkan riwayat bangsa ini dari sejarah mulanya, melewati zaman pembangunan lalu di zaman kebesarannya. Tokoh Hang Tuah mewakili bangsa Melayu sendiri.

Gambaran tentang kepahlawanan Hang Tuah. Di samping itu, hikayat ini juga menggambarkan konsep kesetiaan kepada raja seperti yang dipegang oleh watak Hang Tuah dan sebaliknya tergambar pula konsep penderhakaan melalui watak Jebat. Dua perkara penting dikemukakan dalam hikayat itu iaitu tentang keperwiraan

Hang Tuah dan penderhakaan Jebat. Namun konsep wira yang menjadi pusat subjek *Hikayat Hang Tuah*. Hampir empat perlima cerita dalam hikayat tersebut menggambarkan kegagahan Hang Tuah, manakala yang lain menyentuh watak Jebat sebagai penderhak. Tidak syak lagi *Hikayat Hang Tuah* sebagai karya klasik yang teragung kerana berjaya menggambarkan budaya dan sistem hidup masyarakat Melayu secara realistik. Hang Tuah lahir di tengah-tengah masyarakat feudal; pahlawan yang mempertahankan dan mendaulatkan feudalisme itu sendiri.

Za'ba berpendapat bahawa *Hikayat Hang Tuah* merupakan lambang kesatriaan dan kepahlawanan bangsa Melayu, dan Hang Tuah adalah satu contoh yang tinggi dan mulia dalam mengabdikan diri kepada sultan dan negara (1951 : 11). Pendapat Za'ba itu dengan sendirinya menjelaskan bahawa terdapat dua perkara pokok dalam *Hikayat Hang Tuah*, iaitu ketaatan kepada raja dan kecintaannya kepada negara iaitu Melaka. Demikianlah juga yang dilihat oleh Sulastin dan Kassim Ahmad tentang dua perkara pokok yang menjadi persoalan utama dalam hikayat tersebut. Hang Tuah sebagai simbol kewiraan Melayu dapat dilihat daripada sifat-sifatnya, iaitu:

Berbakti dan taat setia kepada raja, sentiasa mencurahkan segala daya dan nyawa demi kesetiannya kepada raja. Hang Tuah bijaksana, pandai dan ada juga tipu muslihatnya seperti memujuk Tun Teja dan memperdaya musuh-musuhnya untuk mendapatkan keris Taming Sari di tangan Jebat dan membunuhnya.

Kemenangan selalunya berada di pihak Hang Tuah. Tidak pernah sekalipun Hang Tuah mengalami kekalahan. Kejayaan Hang Tuah dalam setiap perlawanan atau pertempuran sebagai suatu peristiwa yang menjadi legenda masyarakat Melayu. Hang Tuah ialah wira Melayu yang tidak pernah kecewa dalam sebarang pertempuran malah ia memiliki kepintaran dan daya fikir yang tinggi. Kebijaksanaan dan kepintaran yang diberikan kepada tokoh Hang Tuah adalah suatu anugerah untuk membuktikan keperwiraannya.

Hang Tuah merupakan watak utama dalam hikayat ini untuk menggerakkan cerita. Walau bagaimanapun, sifat fizikal watak ini tidak pula digambarkan. Apa yang banyak digambarkan hanyalah sifat-sifat peribadinya. Hang Tuah dikatakan berasal dari Sungai Duyung, kemudian berpindah ke Bentan. Sewaktu kecilnya dia belajar mengaji *al-Qur'an*, bahasa Arab dan berguru. Pada waktu itu dia sudah pun memperlihatkan sifat keperwiraannya dengan membunuh penyamun. Hang Tuah memiliki ilmu sakti, ilmu firasat dan imu pustaka. Dengan ilmu-ilmu itu dia dapat mengetahui sesuatu yang terselindung, berkebolehan mengubati orang sakit, boleh mengubah dirinya menjadi binatang dan berupaya menjadikan meriam tidak meletup.

Dilihat dari segi pergaulannya dalam masyarakat, Hang Tuah dikenali sebagai manusia yang lemah lembut, baik budi bicara, tidak hilang akal dan sentiasa menghormati orang lain. Perkataan yang gemar digunakannya ialah 'bicara' dan 'fikir' yang menunjukkan dia suka berunding dalam sesuatu hal untuk mencapai sesuatu keputusan. Sewaktu kecilnya dia berunding dengan kawan-kawannya, tentang hal-hal yang mereka lakukan. Mereka sama-sama bersetuju untuk belayar di laut. Begitu juga dalam usia remajanya, Hang Tuah berunding dengan sahabat-sahabatnya, misalnya untuk pergi berguru. Sifat menghormati hak orang lain dapat dilihat sewaktu dia berjaya membunuh Kertala Sari yang telah menyamun harta orang-orang Melaka. Kesemua harta itu telah diserahkan kepada tuan empunya harta tersebut. Hang Tuah telah menunjukkan sikap yang tidak mementingkan diri sendiri tetapi untuk kepentingan masyarakat umum.

Hang Tuah juga terdidik dengan ilmu keagamaan meskipun dia bukanlah seorang yang alim. Sewaktu kecilnya Hang Tuah sudah belajar membaca *al-qur'an*, belajar ilmu agama daripada para ulama dan mempelajari bahasa Arab sehingga dia dapat bertutur dalam bahasa tersebut. Sifat-sifat keagamaannya semakin jelas tergambar pada hari-hari tuanya dengan hidup sebagai seorang yang zuhud. Peristiwa masuk ke dalam kubur sangat mengesankan jiwa Hang Tuah: bahawa alam barzakh itu penuh dengan kenikmatan bagi mereka yang takutkan Allah; begitulah sebaliknya, penuh dengan penyeksaan bagi mereka yang membelakangkan Allah.

Sebagai seorang hulubalang dan kemudiannya diberi gelaran laksamana, Hang Tuah dikatakan sebagai seorang wira yang serba sempurna baik dari segi jasmani, rohani, pemikiran, tindakan dan cara dia berbudaya dengan orang lain wira unggul ialah pertama, dia memiliki sifat-sifat baik dan istimewa; dan kedua dia berjaya melaksanakan tugas-tugas yang berat, seperti sanggup membunuh sahabat sendiri, Jebat dan mempertahankan negaranya daripada ancaman musuh. Hang Tuah dianggap sebagai wira yang memenuhi segala ciri keperwiraan dan memenuhi konsep heroisme.

Watak Hang Jebat selalunya bersaing dengan watak Hang Tuah. Hang Jebat adalah sahabatnya yang paling rapat berbanding dengan sahabat-sahabatnya yang lain. Boleh dikatakan fikiran Jebat lebih diutamakan daripada fikiran sahabat-sahabat yang lain. Kerana itu juga konsep keperwiraan Jebat tidak kurang hebatnya dengan Hang Tuah. Dari segi fizikal, Jebat dikatakan berkulit putih dan rambutnya ikal. Gambaran singkat ini boleh menjelaskan kepada kita bahawa Jebat seorang yang kacak orangnya. Dia mempunyai suara yang merdu dan pandai membaca hikayat. Dengan kata-kata lain dia penyair atau sasterawan dalam konteks zamannya.

Dia juga memiliki ilmu seperti ilmu batin, ilmu sakti, ilmu firasat dan ilmu pustaka. Kehandalannya lebih kurang sama dengan Hang Tuah kerana mereka sama-sama berguru di Bentan dan di Majapahit. Walau bagaimanapun, sifat yang menonjol pada diri Jebat ialah sikap keras hati. Sewaktu zaman remaja, Hang Tuah mencadangkan mereka berlima sahabat pergi belayar. Hang Jebatlah orang yang memperlihatkan sifat agresif dan berani, "mengapa tidak belayar saja." Begitulah kata Jebat kepada sahabat-sahabatnya. Begitu juga sewaktu mereka di Majapahit, Hang Jebat juga mencadangkan supaya mereka semua mengamuk di istana Betara Majapahit kerana keris Taming Sari yang baru dihadiahkan oleh Betara Majapahit hilang. Daripada keterangan ini, menunjukkan Hang Jebat adalah seorang yang berani dan keras hati.

Jebat juga terkenal sebagai seorang yang suka berterus terang, radikal dan tegas. Baginya tidak ada sifat berselindung atau memuji-muji apalagi bekerja untuk mendapatkan nama atau sanjungan. Tegasnya dia adalah manusia yang bukan gilakan pangkat. Walau bagaimanapun, Jebat juga mempunyai kelemahannya sendiri. Jebat selalu bertindak terburu-buru dan kadang-kadang melulu pula. Sifat ini tentu berbeza dengan Hang Tuah yang berfikiran tenang dan panjang. Satu sifat Jebat yang paling mulia ialah sentiasa memegang janji kepada sahabat. Kesetiannya kepada sahabat tidak ada tolok bandingnya ketika itu. Jebat adalah pahlawan Melayu yang berani menentang raja semata-mata kerana persahabatan. Walaupun raja dianggapnya bayangan Tuhan dan tidak ada siapa yang berani menentangnya, tetapi Hang Jebatlah satu-satunya manusia yang sanggup berdepan dengan raja dan

ingin memecahkan tradisi feodalisme: pantang Melayu menderhaka. Hang Jebat percaya apa yang dilakukannya adalah benar dan hak.

Begitulah sang Melayu itu ia adalah gabungan dua orang perwira. Namun ada juga orang yang mencuiriga kewujudannya. Barangkali setelah kita menemui surat beranak Hang Tuah barulah kita percaya bahawa ia pernah dilahirkan.

Persuratan Tidak Relevan

Teknologi dan pelbagai tantangannya telah melunturkan kerelevanan sastra kurun ini. Mula kedengaran muzik kematian bagi sastra, malah ada pula yang telah menguburkannya. Inilah penyakit besar sastra, sesungguhnya zaman kegemilangannya sedikit demi sedikit telah berakhir. Ketidak relevanan sastra, bagaikan kegagalan sebuah persona memasuki dunia real, justeru dunia yang dimasukinya berbaur dengan segala imej kesukaran, analogi Lacan ini dialami oleh kesusasteraan kita. Dalam tata masyarakat yang terbenam dalam libido ekonomi sastra lebih dilihat sebagai sebuah dunia kapitalia.

Ketidak relevanan sastra, sesungguhnya mempunyai kaitannya dengan imej cermin sastra kita yang wajahnya ditakluki oleh imperialisme bahasa. Bahasa Melayu kehilangan kedaulatannya. Imperialisme bahasa sebenarnya masih membelenggu pemikiran kita. Pengaruh imperialisme bahasa sememangnya sangat besar terhadap rakyat sesebuah negara yang kurang memahami hakikat bahasa itu sebenarnya. Antara lain, pengaruh ini boleh membangkitkan keraguan di kalangan kita ini yang mempersoalkan mutu pendidikan yang menggunakan bahasa kebangsaan sebagai bahasa pengantarnya. Dewasa ini imperialisme bahasa ini masih lagi berlaku walaupun dalam bentuk yang berbeza. Misalnya, masih ada kalangan kita yang kurang yakin akan kemampuan bahasa tertentu untuk menjadi bahasa ilmu serta bahasa sains dan teknologi. Bahkan yang lebih malang lagi apabila ada golongan yang berpegang kepada bahasa menentukan pemikiran dan kemampuan kognisi manusia sekalipun linguistik moden telah membuktikan bahawa itu tidak semestinya berlaku. Pengajaran daripada rentetan sejarah imperialisme bahasa ini ialah tidak akan ada bangsa di dunia ini yang akan menjadi mundur disebabkan oleh bahasa yang digunakannya. Tidak ada bangsa yang berjaya mencipta tamadun yang tinggi dengan menggunakan bahasa orang lain. Di bawah sedar Melayu ketidak yakinannya terhadap bahasanya sendiri.

Implikasi imperialisme bahasa terbawa-bawa ke dalam sastra, kerana antara keduanya mempunyai pertalian tamadunya. Kita merasakan adanya ketegangan yang dialami sasterawan tanah air dengan kemunduran bahasa yang alienasi dan dislokasi. Seakan sebuah trauma. Kita perlu melakukan bekam sastra untuk mengeluarkan darah kotor bahasa. Permasalahn yang kita hadapi sekarang ialah, kalau dalam 50 tahun yang lalu sastra bermula dijadikan alat untuk kemerdekaan dan pembentukan moral dn sahsiah berhasil menjadi wahana integrasi politik. Mampukah ia menjadi wahana transformasi sosial masyarakat pascamoden. Agar sastra kembali mempunyai otoriti dan kekuasaannya apakah yang perlu kita lakukan? Adakah lahirnya sastra pemberontakan? Kita sedar bahawa persuratan atau sastra dtentukan oleh nilai gunanya.

Membina Tamadun Baru Sastera

Untuk melahirkan sebuah tradisi sastera Melayu yang merdeka dan berkepribadian sendiri, kita perlu membina tamadun baru. Pembinaannya adalah suatu kewajipan bagi umah atau bangsa yang ingin berjaya, unggul dan sempurna. Tamadun adalah manifestasi kecemerlangan hidup dalam pembagai bidang, dan bidang persuratan adalah salah sebuah daripada paksi pentingnya.

Dalam konteks pembinaan tamadun ini, elok kita memasdarkannya daripada maqam tamadun Islam; iaitu bersumberkan Al-Quran dan al-Hadis. Sementara unsur pemakqamannya ialah daripada roh al-Islami, al-thaqafiah Hawliyyah dan al-khudur al-aliyyah. Dalam tamadun konsep Islam kita menemui empat istilah iaitu al-umran, al-madaniyyah, al-khadariyyah dan al-mudunniyyah. Al-Umran, (ibn Khaldun) merujuk kemakmuran negara, ketinggian masyarakat, kekuatan ekonomi, keselamatan dan kekuatan akliyyah. Al-Madaniyyah pemerksaan pembedaran daripada fizikal dan metafizikalnya. Al-Khadariyyah kemajuan daripada maddiyah dan rohiyyah.

Tamadun Baru Sastera Melayu bersandarkan Syiar Islam, kebudayaan murni Melayu dan Sumbangan Dunia terkini. Tegasnya secara khusus kita melihat:

1. Kesusasteraan Islam
2. Kesusasteraan Melayu Murni
3. Kesusasteraan Dunia terkini.

Ciri-ciri pembentukan tamadun baru ini beradsarkan

1. Kekuasaan ilmu
2. Kewawasaan al-aqliyyah
3. Kekuatan kreativiti
4. Penerokaan dan perlanggaran
5. Keunggulan dan penjatidirian

Ketiga-tiga sumber ini hendaklah digembeling bersama tujuannya ialah untuk mencipta zaman kegemilangan kesusasteraan Melayu pascamoden. Teknologi canggih telah dikenal-pasti meruntuhkan kerajaan sastera, mengapa tidak kita gunakan teknologi itu untuk menabalkan semula kesuasteraan itu.

Kuala Lumpur Sebagai Jantung Sastera Melayu Dunia

Salah satu daripada prinsip pembinaan sesebuah tamadun ialah aspek tempat. Perkataan al-madani, al-khadari dan al-mudun merujuk kepada istilah bandar dan perbandaran. Malah *civilization* yang berasal bahasa latin *civitas* bermakna bandar. Justeru itu, kita perlu mempunyai tempat yang menjadi pusat ketamadunan itu. Pemilihan kota Kuala Lumpur sebagai pusatnya saya kira adalah tepat. Maka di sinilah dibina bangunan yang mejadi tempat tumpuannya.

Kita menyaksikan dalam sejarah kebangkitan, *renaissance*, Eropah berebut-rebut untuk menjadi pusatnya, akhirnya dalam percaturan itu, Peranchis telah berjaya meletakkan Paris, yang kemudiannya diisytiharkan sebagai jantung seni Eropah. Di Rusia pula bandar St. Petersburg menjadi kota sasteranya apabula ramai warga penulis berhijrah ke bandar itu. Maka, kita pun ingin menjadikan Kuala Lumpur sebagai

jantung sastera Melayu Dunia. Di sini, Kuala Lumpur, sudah berdiri agam bangunan tersergam Dewan Bahasa dan Pustaka, yang menjadi simbol tamadun persuratan Melayu. Maka di sinilah juga berdirinya rumah Sastera yang menjadi pusat kegiatan sasterawannya.

Dalam konteks rumah Sastera dan pembinaan tamadun baru ini, sesuai dengan ciri dan wawasan barunya, izinkan saya membuka dunia realisme magis saya. Realitinya GAPENA ialah representasi pengarang Malaysia, bersatu dalam buah ideologi kewargaan dan mempunyai strategi dan rancangannya, antaranya ialah penziarahan dan pengumpulan Melayu Dunia. Dan kini GAPENA memiliki rumahnya sendiri menjadi pusat pemerintahannya dan distribusi.

Konsep Kepertuanan Sastera Melayu

Salah satu permasalahan yang sering dibicarakan ialah persoalan sastera kebangsaan Malaysia ialah konsep dan dasar sastera kebangsaan itu; seolah-olah membayangkan bahawa ada percaturan tentang kedudukan dan kekuasaan serta kedaulatannya. Tidak kurang pula ada cadangan supaya diwujudkan sebuah dasar sastera kebangsaan.

Dalam gerakan politik negara, yang memegang arus perdananya ialah politik Melayu. Tidak perlu kita hujahkan, justeru ia adalah warisan empayar Melaka, yang kemudiannya telah dimusnahkan oleh penjajahan yang begitu panjang. Namun ia bangun semula untuk memerdekakan negara ini. Politik Melayu berjaya meletakkan kepertuanan Melayu di negaranya. Maka dunia sastera Melayu juga seharusnya menemukan takdirnya seperti gerakan politik itu. Sastera Melayu harus dimartabat dan dimaqamkan (dibangunkan) kekuasaannya. Jika perlu dasar sastera kebangsaan itu perlu dibangunkan kemaujudannya.

Pembinaan Teori Sastera

Subjek pembinaan teori sastera adalah subjek yang banyak dibincangkan dalam sastera Melayu mutakhir. Teori yang menjadi landasan kritikan, dan menjadi tuntutan dalam kerangka kerja akademik di yayasan-yayasan tinggi dengan cepat menerima kehadirannya. Kita menyaksikan beberapa teori sastera telah muncul. Teori sastera tersebut ialah Teori Taabudiyah, Puitika Sastera Melayu, Pengkaedahan Melayu, Teksdealisme, Takmilah dan lain-lainnya.

Teori Taabudiyah dihasilkan di sekitar tahun 1984, yang kemudiannya diterbitkan pada tahun 1986 dalam buku *Teori dan Kritikan Sastera: Kaedah dan Aplikasi*, dan ia merupakan teori sastera Malaysia kali pertamanya dicipta di tanah air. Teori Taabudiyah, daripada namanya sahaja dapat kita kenal sebagai teori yang berorientasikan Islam. Puitika Sastera Melayu yang dicipta oleh Muhammad Haji Salleh di sekitar 1988. Bermula dengan gagasan syarahan pengukuhan kesarjanaan, kemudian dikembangkan menjadi sebuah teori sastera berpaksikan kepada sastera Melayu tradisional. Sama halnya dengan teori Pengkaedahan Melayu, yang juga menggunakan teks sastera tradisional untuk diturunkan teorinya yang dilakukan oleh Hashim Awang pada tahun 1989. Teori-teori ini mula digunakan dengan berkesannya dalam penulisan esei, kritikan dan kajian-kajian akademik berupa kertas projek dan tesis sarjana dan falsafah kedoktoran.

Dalam dekad 1990-an muncul lagi beberapa teori sastera. Teori Teksdealisme bermula pada tahun 1993 yang asal tersiar di akhbar Utusan Malaysia: iaitu pada 18 September 1993 saya menulis "Tentang Jebat", 25 September 1993 "Mengukuhkan Teks Sastera" dan 2 Oktober 1993 dengan "Prinsip Keperibadian Pengarang". Ketiga-tiga tulisan itu sebenarnya sebuah rencana yang dipenggalkan, perbicaraannya berhubung dengan konsep, dasar dan prinsip kritikan teksdealisme. Sementara teori Takmilah dibangunkan oleh Shafie Abu Bakar mempunyai orientasi keislaman yang lebih bersifat sufistik. Tulisan yang menjadi janin teori ini ialah "Sastera Islam: Teori Pengindahan dan Penyempurnaan dalam Rangka Tauhid" pada tahun 1994.

Sementara Teori Konseptual - Kata Kunci diperkenalkan oleh Mohamad Mokhtar Hassan. Setiap individu pada umumnya mempunyai konsepsi yang tersendiri terhadap sesuatu idea, perkara, hal, objek dan sebagainya. Konsepsinya itu boleh jadi sama dengan individu yang lain dan boleh jadi juga berbeza dengan individu yang lain. Konsepsi atau dalam Bahasa Inggeris '*conception*' bermaksud "*act of forming idea or notion*". Walau bagaimanapun, konsepsinya itu boleh jadi sama dengan individu yang lain dan boleh jadi berbeza. Perbezaan atau persamaan itu bergantung kepada latar belakang, pendidikan, lingkungan masyarakat, kepercayaan, adat budaya, ideologi, pertubuhan yang diperjuangkan dan sebagainya. Semuanya ini sedikit sebanyak mempengaruhi individu itu termasuk seseorang pengarang terhadap sesuatu konsep. Sebagai misalannya konsep kepimpinan bagi seorang pemimpin berbeza dengan mereka yang dipimpin. Bagi pemimpin, mungkin konsep kepimpinan baginya sebagai kegiatan mempengaruhi. Bagi yang dipimpin pula, kepimpinan sebagai suatu personaliti dan kesannya. Tidak mustahil pula mereka mempunyai persamaan konsep.

Sastera kita telah masuk ke bidang yang baru iaitu penciptaan teori sastera sendiri. Ini adalah satu penambahan baru dalam tradisi sastera Melayu, yang sedia ada ialah penulisan teks dan kritikan sastera. Dalam perbincangan penteorian ini, ada yang menyatakan, bahawa penciptaan itu sebagai tanda satu mercu pencapaian dalam tamadun atau peradaban...*its a sign of a great civilisation*.... Sesungguhnya penciptaan teori dekat hubungannya dengan falsafah dan budaya sesuatu bangsa itu. Memupuk dan menyemarakkan teori sastera sendiri adalah tugas orang yang menrima tamadun baru itu. Memang ada alasan untuk mereka yang menidak atau mencurigai keabsahannya. Ini adalah warisan orang-orang yang tidak bertamadun.

Meskipun teori-teori tempatan mula mengambil alih teori yang dahulunya didominasi oleh Barat, tetapi hegemoni dan kekuasaannya masih amat terasa. Barat bagaikan menjadikan dunia teori seolah-olah sebuah taman perbungaan. Tanahnya ternyata subur, dan benihnya ditaburkan lalu tumbuh berakar, menguntumkan dan kembanglah satu demi satu bunga teori itu. Dan aromanya sampai ke negara kita. Kita telah sedia maklum teori-teori yang sedia berkembang ialah teori formalisme, strukturalisme, semiotik, pascastrukturalisme, dekonstruksi, intertekstualiti, arke-taipal, psikonalisis Lacan, kepengaruhan, pascamodenisme, feminisme, penerimaan khalayak, sosiologi sastera, hermeneutiks, fenomenologi, new historisisme, pascakolonialisme, teori budaya dan eko-sastera.

Teori sastera yang berkembang kini, yang dinamakan sebagai teori sastera zaman pascamoden. Dimulai dengan strukturalisme hinggalah kepada teori pascakolonialisme dan teori studi budaya yang mendapat tempat istimewa zaman terkini. Tidak syak lagi, kesemua teori itu datangnya daripada Barat, bagaimana pun ia telah mengalami penyaringan dan sesuai untuk dipelajari dan dikuasai. Dunia

sastera kita, tegasnya dunia teori dan kritikan sastera tanah air, mahu tidak mahu terpaksa berhadapan dengan teori-teori tersebut. Ini adalah akibat daripada revolusi dunia maklumat dan situasi global hari ini, yang segala-galanya cepat hadir dan dan hegemonikal sifatnya.

Memugar Keindahan Seni Melayu

Masih dalam konteks teori, saya kira dalam usaha pembinaan teori sastera mandiri ini, pemugaran keindahan seni Melayu. haruslah dijadikan perhatian. Utama kepada pembinanya. Seni persuratan Melayu berbeza dengan konsep seni bangsa lainnya. Keindahannya bertunjang pada akar Melayunya dan Islaminya.

Apakah teori-teori sastera yang telah terbina setakat ini, sudah berhasil memugar estetik seni sastera Melayu itu?

Kritikan Sastera

Teori sastera yang dibina itu diharapkan akan dapat meningkatkan mutu penulisan kritikan dan esei sastera tanah air. Salah satu daripada paksi teori sastera ialah untuk memperkukuh tradisi kritikan sastera itu. Tradisi kritikan berfungsi secara keseluruhannya untuk mengangkat martabat kesusasteraan sesuatu bangsa itu. Ada tanda-tanda yang menunjukkan bahawa terdapat sebilangan pengkritik kita yang menggunakan teori-teori baru itu, bagaimana pun masih ada yang kekal dengan teori moden dan pascamoden yang dibawa daripada luaran. Di antara penulis yang prolifik dan berkualiti ialah Sohaimi Aziz, Hashim Ismail, Rahman Shaari, Rosnah Baharuddin, Noriah Taslim dan lain-lainnya. Di kalangan penulis muda ada kecenderungan seperti Faisal Tehrani, Marsli N.O. yang menulis esei-esei sastera.

Sukar kita hendak mencari kritikawan atau eseis yang kuat di kalangan penulis muda. Menghasilkan pengkritik atau pengkaji sebenarnya jauh lebih sukar untuk melahirkan penulis. Pengkritik terpaksa membaca teks kreatif, menguasai teori dan pendekatan serta luas bacaan, juga dibentuk oleh latihan demi latihan. Apa pun kita haruslah bersedia untuk melahirkan pengkritik-pengkritik muda kita. Sastera tanpa pengkritik bagaikan anak kehilangan ibu. Dalam konteks ini, dunia kritikan sastera memerlukan: Pembina, Penguasa, Pemikir, Pengamal dan Pengajar atau 5 P.

Sistem 5P adalah rangkaian pemeringkatan seseorang itu dalam memartabatkan teori dan kritikan sastera dan seterusnya memartabatkan kesusasteraan. Bermula daripada bawah, Pengajar ialah orang-orang yang bertanggung-jawab mengajar teori sama ada di sekolah apalagi di universiti. Di tangan mereka inilah teori disebar dan dipergunakan untuk apresiasi atau kerja-kerja kritikan. Pengamal, teori dan kritikan sastera hanya akan bermakna apabila ada pengamalnya, yang melakukan kritikan praktis atau praktikal itu. Tegasnya, kita sesungguhnya sangat memerlukan kritikan praktikal maka di tangan mereka inilah produksinya. Teori sastera kita hanya akan bermakna apabila kita telah memiliki segolongan pengamal yang konsisten dan bertanggung-jawab. Pemikir pula manusia yang mencari jalan bagaimana hendak meningkat mutu sastera kita melalui teori dan kritikan. Sesuai dengan namanya pemikir ialah yang sentiasa menggerakkan wacana dan intelektualismenya untuk memartabatkan sastera. Pemikir ialah manusia penggerak minda sastera.

Pencapaian seorang pemikir yang aktif dan dedikasi akan membawa dirinya kepada seorang Penguasa. Penguasa membawa erti sebagai seorang yang berkuasa, berotoritatif, wibawa dan dihormati. Nilai-nilai dan takdir sastera di tangannya. Orang-orang inilah yang bekerja sebagai pemantau, penasihat, juga penilai puncak sastera. Di kalangan mereka inilah yang duduk sebagai panel-panel hakim, terutamanya yang menentukan hadiah dan anugerah berprestij peringkat negara atau antarabangsa. Dan daripada kesemu lapisan P itu biasanya akan muncul pula manusia yang diberi nama Pembina; maksudnya pembina teori dan kritikan sastera.. Seorang pembina teori bermula dengan mempelajari teori, mengamalkannya, pemikir, penguasa dan hasil pengalaman bertahun-tahun, menyedari fenomena sastera, memahami tuntutan pembinaan sesebuah teori termasuk konsep nilai dan sebagainya; akhirnya ia mencuba membina teori sastera. Ia adalah seorang teoretis.

Kesemua 5 P itu mempunyai peranannya masing-masing. Pembina, Penguasa, Pemikir, Pengamal dan Pengajar teori dan kritikan sastera akan dapat memartabatkan dunia kritikan dan dunia sastera secara keseluruhannya. Fungsi kritikan di sini merupakan puncak daripada segala fungsinya.

Menerbitkan Jurnal Sastera

Untuk memperkukuh genre kritikan dan penulisan esei haruslah difikirkan perlunya menerbitkan sebuah jurnal sastera. *Dewan Sastera* telah memberi khidmat yang baik dalam pertumbuhan teks kreatif dan memberi ruang kritikan atau esei sastera, namun kita memerlukan sebuah ruang untuk tulisan bersifat kajian, akademik dan ilmiah. Ketiadaan wahana untuk kritikan ilmiah ini, sastera Melayu kehilangan analisis-analisis berharga untuk meningkatkan kesusasteraan Melayu. Tahun 1970-an - 1980-an, masih segar dalam ingatan majalah *Dewan Bahasa* menyediakan ruangan yang cukup lumayan. Suatu ketika dulu *Dewan Sastera* juga menyiarkan tulisan akademik, tetapi kian hari ia kian menghilang dan diisi oleh tulisan separa akademik.

Perisa disediakan untuk esei dan kritikan ilmiah untuk puisi sahaja, namun sifatnya sangat berkala. *Malay Literature* pun demikian, tetapi tujuannya untuk dunia antarabangsa. Pernah diputuskan bahawa sebuah jurnal untuk pengembangan teori dan kritikan akan diterbitkan, namun ia masih menjadi sebuah mitos tanpa legenda. Permasalahan penyediaan penerbitan akademik untuk sastera, haruslah diambil berat.

Tradisi Metakritik

Boleh dikatakan tidak mentradisi dalam dunia sastera kita apa yang dinamakan metakritik. Metakritik ialah istilah kritik atas kritik. Maksudnya, setelah seseorang itu membuat kritikan praktikal terhadap sesebuah karya, maka ada pula pengkritik lain yang cuba membahas dan menilai kritikan yang telah dilakukannya.

Pertelagahan antara pengkritik dengan penulis sering terjadi. Para pengkritik selalu dikatakan tidak berjaya menyelami hasrat batin karya penulis yang dibincangkannya. Penulis menganggap para pengkritik itu gagal, sementara pengkritik pula mengatakan dia melakukan kerjanya dengan berpandukan sesuatu pendekatan atau metodologi. Tidak kurang pula terjadi kesilapan-kesilapan yang dilakukan oleh pengkritik, sebuah karya yang baik dikatakannya tidak baik,

begitulah sebaliknya. Kesilapan seperti ini jika berlanjutan, implikasinya sangat buruk terhadap perkembangan kesusasteraan. Justeru itu, salah satu fungsi kritikan dalam aspek praktisnya ialah mengajar para pengkritik itu sendiri.

Ada berbagai-bagai cara ajaran yang dilakukan, selain mengamalkan kritik atas kritik, seseorang pengkritik itu juga perlu meneliti kritikan yang pernah dilakukan oleh orang lain terutamanya mereka yang berpengaruh. Ada orang berpendapat bahawa untuk menjadi seorang pengkritik yang bertaraf kritikawan, adalah lebih susah daripada menjadi seorang penulis. Di Indonesia, umpamanya, begitu ramai penulisnya, tetapi hanya beberapa orang sahaja pengkritik yang berpengaruh, contohnya H.B. Jassin yang dianggap sebagai kritikawan paling berpengaruh.

Sebenarnya kritikan bukan sahaja berfungsi untuk mengajar para penulis, tetapi juga para pengkritik. Apabila seseorang pengkritik yang sensitif melakukan kritik terhadap kritikan yang lain, dia akan dapat mempelajari aspek-aspek kritikan yang diterap dan diaplikasikan oleh pengkritik tersebut. Tegasnya, seorang pengkritik dapat belajar daripada kritikan orang lain. Umpamanya seorang pengkritik muda, mungkin dapat belajar dari pengkritik yang sudah dewasa dan matang. Begitu juga sebaliknya, seorang pengkritik lama, boleh belajar dari pengkritik muda yang khusus di bidang kritikan kerana pendekatan atau metodologi pengkritik lama mungkin sudah tidak sesuai lagi.

Sebuah tradisi persuratan yang baik ialah memiliki genre kritikan dan esei yang baik.

Anugerah Kritikawan Sastera Negara

Salah satu daripada kaedah penghargaan dan untuk menjadi dunia kritikan sastera bertakhta dan berdaulat haruslah difikirkan juga daripada aspek pengiktirafannya. Penulis-penulis kreatif telah disediakan Anugerah Sastera Negara, dengan penerimanya diberi gelar Sasterawan Negara.

Dalam konteks ini kritikawan pun patut difikirkan daripada aspek penganugerahan ini. Ada beberapa tunjangan yang perlu dihisabkan. Dalam dunia pascamoden hari ini, kedudukan kritikan, sudah dianggap lebih tinggi dan berkuasa daripada dunia penulisan kreatif itu sendiri. Kritikan di sini dalam konteks kajian, penyelidikan, penteorian, praktisan, sastera bandingan, dan sebagainya. Ada juga pandangan bahawa kritikan adalah sebahagian daripada penulisan kreatif juga. Justeru itu seandainya penulis kreatif diberi penganugerahan, maka genre ini juga harus dilakukan demikian. Ertinya, seorang kajiawan atau kritikawan sastera, berhak untuk dicalonkan untuk diberi anugerah Sastera Negara. Harus juga difikirkan, tentang perlu adanya sebuah anugerah yang khusus untuk mereka, umpama Anugerah Kritikawan Sastera Negara.

Anugerah Sasterawati Negara ?

Berbicara tentang anugerah sastera, teringat saya kepada buah fikiran yang pernah saya lontarkan tahun 1993 dahulu tentang mengadakan sebuah anugerah sasterawan negara khusus wanita. Alasannya hingga kini, tidak ada wanita yang berjaya mendapatkan hadiah anugerah sasterawan negara, kesemuanya adalah lelaki. Pandngan itu menjadi polemik, ada yang bersetuju atau juga yang tidak

kerana ia akan membezakan gender dan terpaksa menyediakan dua hadiah. Alasan saya ialah berpandukan kepada banyak hadiah atau anugerah yang diberikan untuk lelaki dan perempuan, malah tilawah al-Quran itu pun ada qari dan qariah. Di sini saya ingin membawa semula subjek itu, sekedar perbincangan dan jika perlu adanya tindakan wajar demi untuk kecemerlangan persuratan Melayu

Kita sesungguhnya memiliki suatu senarai nama yang agak panjang penulis wanita Sejak 1960-an telah muncul Salmi Manja, Rukiah Abu Bakar, Adibah Amin, Anis Sabirin, Hamsiah Hamid dan Asiah Ibrahim. Malah di tahun 1963, mereka bersatu menubuhkan Angkatan Sasterawan 63. Dan ini diikuti pula kelahiran beberapa penulis lainnya seperti Khadijah Hashim, Fatimah Busu, Zurinah Hassan dan lain-lainnya. Dekad-dekad seterusnya kita menyaksikan kemunculan Rogayah Hamid, Zaharah Nawawi, Siti Zainon Ismail, Habsah Hassan, Siti Aisyah Murad dan ramai lagi. Pendeknya bukanlah sukar untuk mencari nama penulis wanita kita.

Di dunia antara bangsa Virginia Woolf, sering dijadikan contoh atas kejayaannya. Kehidupannya, dikaitkan dengan peluangnya bergaul dengan bijak pandai zamannya; dilingkungi sasterawan dan seniman serta suasana zaman Victorian yang menggalakkan wanita berkarya. Suaminya juga, Leonard Woolf, seorang esais terkemuka dan pemikir sastera. Oleh kerana biasanya, pengarang itu terpengaruh oleh aliran kritikan sezaman, bukan sedikit karya-karya Virginia terangkat oleh sikap dan isme kritikan waktu itu. Virginia hidup di tengah perdebatan hak kewanitaan dan agon pertentangan darjat; dan karyanya dianggap sebagai hikmat atau pancasona penyelesaian masalah masyarakatnya. Setiap karyanya mengandungi citra dan candra sezaman. Virginia Woolf hanya menghasilkan tujuh buah novel, tetapi sudah cukup dianggap sebagai avant-gardis dan feminis, yang meletakkannya sebagai pengarang dunia yang terkemuka. Nyatalah bahawa kuantiti bukannya syarat sebagai penulis besar, hal ini pun diakui oleh kreativiti dan penilaian teks-teks pascamodernisme yang menghasilkan realisme magis dan psikoanalisis strukturalisme. Ketiada-prolifikan di kalangan penulis wanita kita, sesungguhnya bukannya alasan untuk tidak meletakkan penulis wanita itu setanding dengan penulis lelaki.

Bagaimana pun penulis wanita kita juga ramai yang prolifik. Ada di antaranya yang menacapai tahap kemajuan yang cemerlang; ini perlu kita banggakan dan diberi penghargaan. Di tahun 1960-an Salmi Manja menghasilkan *Hari Mana Bulan Mana, Dari Mana Punai Melayang, Hendak Huian Sekali, Entah Mengapa Hatiku Duka, Sayang Ustazah Sayang dan Rindu Hilang Di Tapak Tangan*. Dianalisis daripada teori feminisme, kebanyakan novel Salmi Manja membawakan fahaman predeterminisme, bahawa takdir wanita terletak di tangan lelaki, yang segala-galanya telah tersurat, dan segala usaha menentanginya adalah sia-sia. Isteri menjadi gundek suami yang jahat, mereka terpaksa sabar, berlaku sengketa, perceraian, kahwin semula dan timbul pelbagai masalah lain lagi. Zaharah dalam *Sayang Ustazah Sayang* menentang suaminya, Mansor, kerana hendak dimadukan. Selepas bercerai berkahwin dengan Fauzi yang juga kemudiannya main kayu tiga, hingga ia terlantar sakit jiwa. Wanita ini cuba menentang takdirnya, tetapi ternyata ia gagal dan menyerah kepada kelemahan kewanitaannya. Bukan sedikit watak-watak Salmi Manja yang menggambarkan wanita tunduk di tangan superioriti lelaki. Tetapi Zaharah dalam cerpennya *Di Rantau Orang* adalah janda gigih, bertungkus lumus menyarai anaknya dan tidak mahu terjerumus ke lembah kehinaan. Berpegang dengan lunas Islam, Zaharah muncul sebagai watak wanita yang kuat, mempertahankan kesucian dan kewanitaannya dan tidak mahu berumah tangga lagi, kerana kecintaannya yang penuh terhadap suaminya yang telah mati. Menurut kritikan feminisme watak

Zaharah adalah contoh watak yang dinamik dan kukuh dan biasanya hanya muncul di tangan pengarang yang kuat dan teguh perdiriannya. Banyak lagi tokoh-tokoh wanita Salmi Manja yang berjuang mencari martabat dirinya dan berjuang untuk membalas dendam lelaki yang durjana. Salmi Manja sebenarnya seorang feminis.

Kehadiran Khadijah Hashim sebagai novelis sangat menyerlah dengan *Badai Semalam* di samping beberapa buah cerpen yang banyak meraih Hadiah Sastra Malaysia. *Jalan Ke Kubur* dan *Merpati Putih Terbang Lagi* menguatkan kehadirannya. Sama dengan penulis wanita lainnya, Khadijah Hashim seorang *suffragist* dan pengalaman-pengalaman traumatik dan turbulensi wanita banyak diungkapkannya, dan gayanya sangat sederhana dan bersahaja. Tanda-tanda Khadijah untuk mencapai sebagai novelis dan cerpenis wanita terkemuka sudah ada. Di kalangan penyair wanita pula, Zurinah Hassanlah yang terkuat. *Sesayup Jalan* (1974) dan *Di Sini Tiada Perhentian* (1977), menandakan kekuatan awalnya berpuisi di tahun 1960-70an. Kekuatannya terletak pada penguasaan bahasa yang cukup baik dan kental, mempunyai perasaan yang puitis dan ungkapannya hati-hati, bersih dan padat. Alam, kehidupan dan budaya manusia mendapat sentuhan, tafsiran dan makna. Gaya Zurinah hampir bersahaja, tetapi kadang-kadang melodramatic, tetapi cukup untuk menggoncang perasaan dan memberi kita pemikiran dan pantulan pengalaman. Alam, kehidupan, budaya dan perasaan dalaman manusia mendapat makna dan tafsiran menurut kaca mata penyair yang halus dan cukup teliti mengatur kata demi kata.

Seorang lagi penulis wanita yang boleh diambil perhatian ialah Fatimah Busu. Bermula dengan nama samaran Rani Raya dan Bibi Fatimah dengan sajak pertama *Saat Terakhir*, 1957, cerpen *Kerana Adik*, 1959, kini Fatimah Busu muncul sebagai penulis wanita yang mementingkan kualiti. Malah, dalam bidang cerpen, bagi saya adalah cerpenis wanita terbaik Malaysia. Menghasilkan kurang lebih 50 buah cerpen dan telah dikumpulkan dalam *Lembaian Tanah Hijau* (1980), *Yang Abadi* (1980) dan *Al-Isra'* (1985) serta di antara 1971-76 memenangi Hadiah Sastra setiap tahun dengan sejumlah sembilan buah semuanya. Kekuatannya juga dapat dikesan di dalam penulisan novel iaitu *Ombak Bukan Biru* (1977) dan *Kepulangan* (1980). Malah sebelum itu di tahun 1960-an menghasilkan tiga buah drama *Biduan Dari Neraka*, *Jahanam dan Gerimis Pagi* yang telah dipentaskan di seluruh negeri Kelantan. Lokasi Kampung Pasir Pekan yang menjadi inspirasi pengarang, mengembangkan aspirasinya ke persoalan realiti masyarakat untuk menyedarkan mereka; sebagai suatu sinonim Kampung Banggul Derdap bagi Shahnnon Ahmad. Deskripsinya yang terperinci, estetik dan sering ditamatkan dengan tragedi, menjadikan cerpen-cerpen Fatimah Busu amat rapat dengan psikologi Melayu yang sedikit sebanyak masih animistik dan melodramatik itu.

Nyatalah kita mempunyai pengarang-pengarang, yang pada pandangan saya harus diperhatikan dalam pemberian Anugerah Sastra Negara akan datang. Ini belum dikira tokoh-tokoh lain seperti Adibah Amin, Siti Zainon Ismail, Rogayah Hamid, Siti Aisyah Murad, Azmah Noordin yang mempunyai kekuatan masing-masing dalam mencipta karya.

Buat masa ini sekurang-kurangnya empat penulis yang boleh diambil perhatian iaitu Salmi Manja, Khadijah Hashim, Zurinah Hassan dan Fatimah Busu.

Melahirkan Sastera yang Unggul

Dalam membina sebuah tamadun baru persuratan, yang menjadi puncak atau al-qaswa sebuah tradisi sastera zaman berzaman ialah melahirkan keunggulan – keunggulan pengarang, teks dan khalayak sastera. Apa lagi dalam suasana sastera yang muram dan kadang-kadang terasa bungkam, seruan untuk keunggulan itu haruslah terus menerus dilahirkan. Inilah sesungguhnya sebuah permasalahan pokok bagi persuratan Melayu iaitu subjek untuk mencapai atau mencipta keunggulan itu

Setiap pengarang itu mempunyai hasrat untuk meletakkan teksnya untuk mencapai suatu tahap keunggulan. Untuk sampai ke sebuah teks yang unggul, pengarang dituntut mempunyai sifat-sifat keberanian dan kebijaksanaan. Keberanian dalam mengemukakan sesuatu idea dan pemikiran baru dan bersedia untuk melakukan inovasi dan pembaharuan. Kebijaksanaan pula sifat yang mendorong pekerjaan teks itu supaya dilakukan dengan penuh kesedaran dan bergerak dalam landasan keilmuan. Tanpa sifat keberanian dan kebijaksanaan teks-teks yang dihasilkan hanya akan bergerak dalam lingkungan tradisinya dan tidak memecah kepada teks-teks yang unggul. Teks yang idealistik harus mencapai taraf *new grand narrative* yang di dalamnya tersembunyi ideologi dan bersifat ontologikal. setiap pengarang itu mempunyai hasrat untuk meletakkan teksnya supaya mencapai suatu tahap keunggulan. Dia akan berusaha dengan bakat, kebolehan, intelektual dan ketrampilannya bagi menghasilkan sebuah karya yang lebih baik daripada apa yang telah dihasilkannya dan mengatasi apa yang telah dihasilkan oleh pengarang lain sebelumnya. Idealisme atau sifat keunggulan sebagai sebuah teks sastera kreatif, selalu berada dalam pemikiran pengarang sewaktu dia berkarya. Untuk mencipta sebuah teks yang unggul, pengarang harus ada sifat-sifat berani dan bijaksana. Berani mengemukakan sesuatu idea dan pemikiran baru dan bersedia untuk melakukan inovasi dan pembaharuan. Bijaksana pula merupakan sifat yang mendorong pekerjaan teks itu supaya dilakukan dengan penuh kesedaran dan bergerak dalam landasan keilmuan. Tanpa sifat tersebut teks-teks yang dihasilkan hanya akan bergerak dalam lingkungan tradisinya dan tidak memecah kepada teks-teks yang unggul.

Teks sastera tidak lain daripada idea dan pengalaman. Untuk mendapatkan erti dan makna sesebuah teks sastera itu subjek pengalaman haruslah dianalisis. Dengan itu pentafsiran sesebuah teks bererti proses pemaknaan pengalaman pengarang yang terstruktur dalam sesebuah teks. Kajian dan analisisnya bertujuan untuk mendapatkan makna asli pengarang yang terstruktur dalam teks. Langkah yang perlu dilakukan ialah mencari sumber pengalaman pengarang. Dari manakah idea dan pengalaman itu dihadirkan? Ini bererti semantika pengalaman pengarang mempunyai sejarahnya. Kita perlu menelusuri sejarah teks untuk membina dan mengkonkritkan semula pengalaman pengarang yang telah diturunkannya di dalam teks untuk sampai kepada hakikat teks. Ini bererti, khalayak yang membaca teks itu juga sebenarnya membina pengalamannya. Proses dinamika teks berlaku. Sumber dan sejarah teks bukan sahaja dirujuk sebagai bahan hipogram, juga turut dikembangkan untuk mendapatkan pengertiannya.

Perlanggaran memperlihatkan nilai perimbangan sama ada mengekalkan dan merubah sesuatu dalam usaha bagi mencapai keunggulan teks. Perlanggaran dapat didefinisikan sebagai suatu proses penciptaan dinamik untuk mencari pembaharuan dalam berkarya. Teori teksdealisme meletakkan prinsip perlanggaran sebagai suatu kaedah untuk menganalisis sesebuah teks bagi memperlihatkan sifat-sifat

keunggulannya. Seorang pengarang yang sedar konsep kepengarangannya akan cuba memperbaharui setiap teks yang dihasilkannya. Pengarang pula selalu melakukan pengukuhan, sebagai usaha pendewasaan pengarang untuk penghasilan teks yang unggul dan terunggul. Dia berikhtiar dengan segala kemampuan yang dimilikinya untuk memperbaiki teks yang akan dihasilkan. Tegasnya, pengukuhan adalah usaha pematangan, pengejapan dan penyempurnaan dalam berkarya. Daripada dorongan kejiwaan, pengarang akan melakukan penyelidikan semula terhadap teks-teks yang telah dihasilkannya selama ini, dan akan sentiasa melakukan pula pembetulan demi pembetulan, pengejapan demi pengejapan terhadap teks yang sedang dikerjakan. Dia tidak akan membenarkan dirinya berada terus-menerus di bawah teks yang lemah atau bayang-bayang kelemahan teks orang lain. Ia mencuba membina sistem teks dinamikanya sendiri. Ertinya berlakunya proses pembinaaan terhadap teks yang lemah dan proses pembinaan teks yang unggul. Mungkin ia bergerak daripada model sebuah teks yang sedia unggul atau menciptakan zarah-zarah idea dan pengalamannya. Tegasnya, keluar daripada kelaziman yang statis kepada pembaharuan yang dinamik.

Teks-teks yang mempunyai wajah sastera ideal, mementingkan keunggulan dan mencapai tahap tertinggi, menjadi idamannya. Kesedarannya ditumpukan kepada kualiti dan martabat sastera berkkelas. Teksnya harus memiliki sifat-sifat nasional dan internasional, dalam erti kata menempatkan karyanya yang terkemuka di peringkat kebangsaan dan mempunyai kedudukan di dunia antarabangsa. Setiap pengarang haruslah berusaha untuk menemui atau mencari peribadi masing-masing dalam berkarya. Dan untuk mencapainya tidak ada jalan selain daripada menghasilkan karya-karya yang unggul. Pengarang seharusnya membersihkan diri daripada hasrat menulis hanya sekadar untuk melangsungkan apa yang sudah dihasilkan. Sekiranya kita telah bersetuju bahawa Keris Mas, Usman Awang, Shahnnon Ahmad, A. Samad Said, Arena Wati, Muhammad Haji Salleh dan Noordin Hassan sudah mempunyai keperibadian di dalam berkarya, maka setiap orang mestilah menyimpan hasrat untuk membina peribadi kepengarangan seperti mereka. Malah, mencipta karya yang jauh lebih baik daripada karya mereka. Sifat sebuah teks yang unggul ialah yang mempunyai keperibadiannya sendiri dan biasanya mengasyikkan. Di dalamnya ada unsur-unsur magis dan sihir yang akan segera larut dalam diri khalayak. Khalayak berada dalam keasyikan fizika dan metafizika yang terjadi hasil kebijaksanaan mencerna struktur formal teks dengan imbalan komposisi sehingga terkesan sifat-sifat artistiknya. Ada nilai-nilai kemanusiaan dan moraliti zamannya di dalamnya serta terlihat kekuatan intensifikasi teksnya. Sebuah teks yang unggul juga selalunya memiliki sifat tarikan iaitu *delectare* yang berkuasa menggerakkan naluri bacaan khalayak. Ini akan berkembang ke tahap pukauan iaitu *docere*. Khalayak akan terseret ke dalam dunia ciptaan pengarang. Secara tidak sedar diri khalayak akan masuk ke dalam peradaban dan tamadun teks. Sewaktu dalam proses *delectare* dan *docere* itu, minda khalayak juga turut membina teks tersebut.

Hanya dengan aspirasi pengarang untuk menghasilkan teks-teks yang unggul, dengan sendirinya keutuhan persuratan Melayu akan dipercahai. Teks-teks baru akan lahir, aliran-aliran baru akan muncul dan taman sastera kita akan terus berkembang. Sebagai analoginya kita menyaksikan selepas dunia absurd sampai ke penghujung benuanya, orang menemukan leburnya dunia fakta dan fiksyen teks. Kembali datang sang masa (sejarah) dengan si mitos (fantasi), bergabung tetapi kabur antara yang putih dan hitam, sakral dan profan; tampaknya bertentangan tetapi menyatu; itulah dunia realisme magis. Sekejap sahaja nama Gabriel Garcia Marquez menjadi raja sastera. Watak-wataknya mengajar manusia supaya berani dalam penindasan dan keras dalam kelembutan, membezakan dengan watak-watak

Shakespeare yang suka mentertawakan diri sendiri atau mencurigai kemampuan diri, tetapi yakin pada bahasa sendiri dan lalu bersikap skeptik terhadap manusia dan inilah gambaran watak Inggeris hingga dewasa ini. Sementara Doestovsky pula didedah oleh dialogisme Bakhtin, bahawa dunianya adalah muram dan bungkam itulah manifestasi eksistensialisme orang Russia.

Begitulah sebuah teks yang unggul akan tahan uji atau kebal waktu.

Malaysia Pusat Pengembangan Sastera Islam Sedunia

Sastera Islam di Malaysia mula dibincangkan di tahun 1970-an hingga kini ia tidak habis-habis dibicarakan. Kita mempunyai banyak teks-teks kreatif dan tulisan-tulisan yang popular dan ilmiah yang membicarakan tentang sastera Islam itu. Meskipun pada keseluruhannya masih tetap berlegar di sekitar persoalan konsep, prinsip dan sifat-sifatnya, seolah-olah subjek tersebut masih belum selesai, namun memperlihatkan kematangan dan pemantapannya. Sebuah teks sastera kreatif Islam ialah yang mendepani masalah semasa yang dilandasi oleh hukum-hakam Islam dan membawa segala keindahan dan kekuatannya. Sementara perbicaraannya pula membantu ke arah penciptaan karya yang lebih bermutu daripada masa ke semasa.

Sastera Islam mempunyai sifat-sifat dan ciri-cirinya yang tersendiri. Di antaranya ialah selagi sesebuah teks itu tidak bertentangan dengan akidah, syariat dan prinsip hidup Islam ia boleh diterima sebagai karya Islam atau berunsur Islam. Terbayang bahawa teks tersebut menghargai hidup, mengajak manusia menilai diri dan mempunyai fungsi sosial di samping mengarah kepada kebaikan dan memancarkan sikap serta nilai-nilai hidup Islam. Menentang apa juga bentuk kezaliman, meletakkan yang hak pada tempatnya dan menghormati manusia sesama manusia. Ia dihasilkan pula dengan niat ibadah dan kegiatan keseluruhannya dihasratkan untuk mendapat keredaaan Allah. Dan yang menjadi terasnya ialah bahawa karya Islam menggambarkan hubungan manusia dengan Allah dan hubungan manusia sesama manusia. Dan salah satu citra yang sangat dituntut pula ialah melukiskan kisah manusia berjuang menegakkan keadilan dan mencari kebenaran dengan mempertegaskan gambaran kemasyarakatan yang mencintai keamanan dan membenci keburukan. Tegasnya sastera Islam ialah sebuah teks kreatif yang cuba merealisasikan apa juga bentuk kehidupan manusia menurut landasan Islam.

Tokoh-tokoh pemikir Islam seperti al-Jahiz, Abu Hassan al-Jurjani, al-Kummani, al-Khattabi, al-Naqilani, Abdul Jahir al-Jumani dan ramai akan merujuk kepada al-Quran apabila berbicara tentang kesenian dan Islam; justeru al-Quran adalah segala-galanya. Dengan itu segala keperihan penghasilan teks Islam atau perbicaraan harus berpokok kepada al-Quran. Pertama, al-Quran bukannya syair juga prosa. al-Quran menggunakan unsur syair secara bebas untuk menambah keindahannya, ia tersusun indah, lancar dan halus. Justeru itu al-Quran bukannya puisi atau prosa ia bersifat bebas yang dinamakan sebagai al-nathar al-mutlaq iaitu gubahan bebas yang mutlak. Kedua, ayat al-Quran tersusun daripada perkataan dan frasa yang menepati maknanya. Pemilihan katanya tepat, benar dan sempurna. Ketiga, seni penggubahan al-Quran mempunyai tawazun, iaitu perimbangan, baik pada bentuk mahupun pada kandungan ayatnya. Maknanya memberi kesan mendalam di samping memberi ketenangan serta kepuasan jiwa. Keempat, kata-kata dan ayat-ayatnya, walaupun ringkas tetapi padat dengan kekayaan dan kekuatan makna. Tidak ada berlaklu pembaziran kata-kata. Meskipun berlaku perulangan tetapi dengan tujuan pengejapan dan mempunyai maksud tertentu. Kelima, Al-Quran mengandungi

unsur-unsur simile dan metafora, dan hubungan atau ceraian di antara konsep-konsep tersedia dengan sebaik-baiknya; tegasnya ia memperlihatkan sebagai seni yang lengkap dan sempurna. Keenam, kesinambungan dan struktur gubahannya bebas daripada sebarang kelemahan dan kecacatan. Ketujuh, gaya bahasanya lunak, halus, juga tegas dan keras. Kelunakannya akan menyerap ke dalam jiwa pembacanya yang sekaligus pula memberikan tamparan. Keindahan ini diberi nama dengan *husna al-iqai* iaitu keindahan seni yang menusuk ke dalam jiwa manusia tetapi berfungsi ke arah kebaikan manusia. Kelapan, komposisi al-Quran tidak mengikut struktur peristilahan yang biasa kata kerjanya yang kini, masa silam dan akan datang dengan ayat perintah semuanya bergabung dalam suatu perenggan yang sama. Sifat ujarannya juga berpindah-pindah daripada deskriptif kepada normatif, daripada ayat biasa kepada perintah dan ia tidak disusun mengikut kronologi dan mauduk.

Keindahan dan kesenian yang terpancar dalam al-Quran tidak ada tolok bandingnya. Dan kesusasteraan Islam telah tumbuh sejajar dengan keindahan Islam dan keindahan al-Quran. Dan yang menjadi teras keindahannya ialah kebenaran tauhid dan pembentukan akidah dan akhlak penganutnya. Di mana sahaja Islam mengembangkan syiamya, sudah pasti genre sasteranya akan turut serta berkembang. Kedatangan Islam ke alam Melayu misalnya telah mengubah tradisi sastera yang khayal dan dongeng kepada memperinggikan martabat akhlah dan insaniah.

Hasil daripada kesedaran tentang Sastera Islam dan peraduan-peraduan yang mengiringinya aliran Islam telah menjadi alternatif kepada sebahagian para pengarang kita. Khalayak pun mengikut jejak yang ditempuh oleh pengarang itu sebagai suatu bidang berfikir dan mendapat pengalaman-pengalaman baru untuk menyelesaikan pelbagai masalah hidup. Tidak keterlaluan kalau saya katakan, kita telah berjaya membawa dunia sastera kita ke suatu arah yang mulia tetapi dihadapkan oleh cabaran, justeru tuntutan dan rayuan sastera Barat yang mengenenpikan agama begitu berkuasa sekali. Malah di tengah-tengah karya keabsurdan dan abstrak pun kita masih mampu membawa aliran Islam masuk ke dalamnya.

Pengalaman bangsa kita pernah dijajah oleh Barat dan segala-galanya yang datang daripada Barat itu hampir diterima sebagai penilai mutlak, tetap merupakan trauma yang sukar dikikis daripada perjalanan darah akal kita. Sempadan yang memisahkan di antara yang sakral dan profan saling berbaur dan kabur. Meski di suatu pihak kita menyatakan bahawa kita ingin menegakkan Islamisme, tetapi masa yang sama kita juga begitu kagum dengan apa yang datang daripada luaran.

Tidak keterlaluan dikatakan, kita telah mencapai pelbagai kemajuan dalam sastera Islam ini. Bukan sahaja banyak teks kreatif yang telah dihasilkan, kita menemukan pula beberapa teori kritikan sastera Islam yang telah dibina. Berani saya menyatakan bahawa kemajuan kita dalam memperkembangkan sastera Islam sukar ditandingi. Kita berharap dengan iltizam para penulis, pengkaji dan pendokong sastera Islam+Melayu seluruhnya dan dengan mendapat kekuatan dan sokongan padu daripada Anwar Ibrahim, suatu masa nanti tidak mustahil Malaysia akan menjadi pusat pengembangan sastera Islam sedunia. Malah, saya berpendapat, bahawa daripada sekarang kita harus bertindak dengan cepat dan bijak ke arah untuk merealisasikan Malaysia menjadi pusat pengembangan Sastera Islam sedunia itu.

Dalam kesedaran ini, suatu perancangan yang sistematis haruslah diatur. Sebuah organisasi elok ditubuhkan untuk melaksanakan 'Pusat Pengembangan Sastera Islam Sedunia' di Malaysia. Barangkali buat sementara waktu Dewan bahasa dan Pustaka boleh menjadi secretariat sementara. Jika perlu sebuah jawatankuasa perlu ditubuhkan dengan segera untuk mengendalikan pusat tersebut, supaya cita-cita untuk mengembangkan sastera Islam di Malaysia khususnya dan dunia amnya terlaksana dengan sebaik-baiknya. Tentu sahaja dengan wujudnya pusat itu nanti sebarang kegiatan ke arah mencemerlangkan sastera Islam berjalan dengan lancar. Tanpa wang dan kemudahan tentu segala-galanya tidak akan berjalan.

Sebagai contoh yang dapat dimanfaatkan oleh Pusat Pengembangan Sastera Islam Sedunia itu ialah kegiatan penterjemahan. Banyak teks kreatif Islam hanya diam dalam bahasa asalnya. Dengan melakukan penterjemahan, tidak sahaja teks kreatif, juga tulisan-tulisan yang berupa teori dan teoritis akan segera menyampaikan kita kepada realiti dan hakiki sastera Islam. Kita pun patut menyegerakan terjemahan terhadap beberapa teks kita yang berunsur Islam ke dalam bahasa Arab atau Inggeris supaya dapat dibaca oleh orang-orang Islam lainnya. Dengan pertukaran budaya-teksterjemahan ini akan mempercepat komunikasi dan taaruf di antara kita sesama Islam.

Saya yakin dan percaya dengan kesungguhan dan keiltizaman para penulis dan pengkaji dengan mendapat sokongan daripada pemerintah kita boleh menjadikan Malaysia sebagai 'Pusat Pengembangan Sastera Islam Sedunia'. Marilah kita berfikiran ke arah merealisasikannya supaya gerakan Sastera Islam ini benar-benar mencapai hasratnya dan Sastera Islam akan menjadi agenda terpenting dalam menghadapi zaman pasca-modenisme ini.

Hadiah Sastera Dunia Islam

Apabila kita berfikir tentang menjadikan Malaysia pusat pengembangan sastera Islam, salah satu yang terlintas di benak pemikiran kita ialah mengwujudkan sebuah hadiah sastera di kalangan negara-negara Islam itu. Diharapkan tidak terlalu awal atau terdorong ke arah materialistik, namun tujuannya adalah suci kerana dengan demikian adanya penghargaan dan pengiktirafan dalam penulisan sastera negara Islam. Ini samalah halnya fikiran yang datang sewaktu hendak ditubuhkan MASTERA dahulu.

Dunia sudah memiliki banyak nama hadiah sastera, dan antaranya yang paling sohor ialah hadiah noble prize itu. Tidaklah kita terfikirkan tentang betapa penting sebvuah bentuk hadiah seperti itu wujud di kalangan negara-negara Islam? Rasanya tidak perlu dibicarakan di sini konsep, prinsip, kaedah dan lain-liannnya tentang Hadiha Sastera Islam Dunia itu, cukuplah sekedarnya mellontarkan lintas pemikirannya, moga-moga ia wujud nanti, dan kewujudannya tentulah akan mengalami pelbagai proses demi proses, insya Allah.

Membina Muzium Sastera Kebangsaan

Hayat dan perjalanan sejarah persuratan, pembinaan tamadun dan pengembangannya ke seluruh negara dan antara bangsa, perlu dirakam dan disimpan khazanahnya. Sejak zaman tradisional yang mengisi sastera rakyat, sastera Hindu dan sastera Islam hingga ke lahiran zaman moden dan pascamoden, banyak

sejarah yang telah dicatatnya. Kerajaan Melaka, telah pun memulakan pembinaan muzium sastera sekitar 1990-an. Suara untuk membina sebuah muzium sastera kebangsaan, pernah digemakan, tetapi kemudiannya tenggelam dan menghilang.

Kesimpulan

Demikianlah beberapa pandangan secara dasar untuk mendinamikan kesusasteran Melayu tempatan dan rantau dunia seluruhnya. Seperti yang telah ditunjukkan secara singkat bahawa kesusasteraan mempunyai hubungan sangat rapat dengan tamadun dan kedudukan kepertuanan Melayu; malah ia juga yang mengikat persaudaraan kenusantara. Usaha pendinamikannya haruslah berjalan terus. Justeru itu, kita perlu memahami zaman yang kita alami, cabaran dan gerakan yang harus diatur.

Rujukan

- Adorno, Theodore W., 1984. *Aesthetic Theory*. London: Blackwell.
- Al-Akkad, Abbas Mahmud, 1964. *Fi Fanni al-Islami*. Kaherah: Dar al-Maarif.
- Appignanesi, Richard & Garratt, Chris, 1999. *Mengenal Postmodernisme*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Atth-Thahhan, Musthafa Muhammad, 2000. *Tahaddiyah Siasiah Tuwajih al-Adab al-Islami*. Kuwait: al-Markaz al-Alami li al-Kitab al-Islami.
- Baudrillard, Jean, 1994. *The Illusion of the End*. London: Polity Press.
- Baudrillard, Jean, 1997. *Simulation*. New York: Schocken Books.
- Conner, Steven, 1994. *Postmodernist Culture: An Introduction to Theories of the Contemporary*. London: Blackwell.
- Cooper, B., 1991. *Michel Foucault: An Introduction to the Study of his Thought*. New York: Travistok
- Dhaif, Syauqi, 1988. *Al-Adab fi al-Asril Islami*. Kaherah: Dar al-Maarif.
- Docherty, Thomas, 1993. *Postmodernism*. New York: Columbia University Press.
- Edrus, A.H., 1960. *Persuratan Melayu I, Prosa*. Singapura: Qalam.
- Eco, Umberto, 1993. *Travel in Hyperreality*. London: Picador.
- Elam, Diane, 1992. *Romancing the Postmodern*. London: Routledge.
- Ellis, John, 1989. *Against Deconstruction*. London: Blackwell.

- Escobar, Arturo, 1985. *Discourse and Power in Development: Michel Foucault and the Relevance in His Work to the Third World*. Harmondsworth: Penguin.
- Fairclough, N., 1999. *Language and Power*. Harlow: Longman.
- Foucault, Michel, 1972. *The Archeology of Knowledge and the Discourse on Language*. New York: Pantheon.
- Foucault, Michael, 1980. *Power/Knowledge*. London: The Harvester Press
- Gandhi, Leela, 2001. *Teori Poskolonial: Upaya Meruntuhkan Hegemoni Barat*. (Terj. Yuman Wahyutri & Nur Hamidah), Yogyakarta: Penerbit Qalam.
- Iskandar, Ahmad, 1987. *Al-Wasit fi al-Adabi wa al-Tarikh*. Kaherah: Dar al-Maarif.
- Kroker, Arthur, 1997. *Extremal Culture and Hyper-Aesthetics*. London: Routledge
- Malik bin Nabi, 1994. *Membangun Dunia Baru Islam*. Bandung: Penerbit Mizan.
- Mana Sikana, 2004. *Sastera Melayu Pascamodenisme*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana, 2006. *Teori Sastera Teksdealisme*. Bangi: Pustaka Karya.
- Mana Sikana, 2007. *Tokoh-Tokoh Unggul dalam Sastera Melayu*. Bangi: Pustaka Karya.
- Payne, Michael, 1993. *Reading Theory: An Introduction To Lacan, Derrida, and Kristeva*. London: Routledge.
- Reiss, Timothy, 1982. *The Discourse Of Modernisme And Postmodernism*. Ithaca: Cornell University Press.
- Said, Edward, 1978. *Orientalism*. London: Penguin Books.
- Said; Edward, 1984. *The World, The Text and The Critic*. London: Faber and Faber.
- Said, Edward, 1993. *Kebudayaan dan Kekuasaan: Membongkar Mitos Hegemoni Barat*. Bandung: Mizan.
- Sardar, Ziauddin, 2002, *The A to Z of Postmodern Life*. London: Satin Publications.
- Scholes, Robert, 1993. *Textual Power: Theory And Communication*. New Haven: Yale University Press.
- Smyth, Edmund, J., 1999. *Literature, Postmodernism and Politics*. London: Blackwell
- Steiner, George, 1967. *Language and Silence*. London: Faber and Faber
- Turner, Bryan S., 1994. *Orientalism, Postmodernism & Globalism*. London: Routledge.